

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. TUAN M. KULASEGARAN [IPOH BARAT]**

**TARIKH : 24.11.2015**

**SOALAN :**

**Tuan M. Kulasegaran [ Ipoh Barat ]** minta **KEMENTERIAN PENDIDIKAN** menyatakan perkembangan terbaru terhadap pembinaan 6 buah sekolah baru SJKT yang telah diumumkan oleh Kerajaan pada tahun 2012.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat, status pelaksanaan projek 6 buah sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SKJT) baharu adalah seperti berikut:

- i. SJKT Taman PJS 1, Petaling, Selangor yang mengandungi 24 bilik darjah kini berada di peringkat pra bina. Surat Setuju Terima (SST) Perunding dijangka dikeluarkan pada 30 Oktober 2015 dan reka bentuk projek dijangka dapat dimulakan pada akhir 2015.
- ii. Bagi SJKT Taman Sentosa, Klang, Selangor yang terdiri daripada 24 bilik darjah dan sekarang berada di peringkat Pra bina, Surat Setuju Terima (SST) kontraktor dijangka dikeluarkan pada Oktober 2015, walau bagaimanapun ia tertakluk kepada kelulusan Kementerian Kewangan.

- iii. Pembinaan SJKT Heawood, Sungai Siput (U), Perak yang mengandungi 6 bilik darjah sekarang di peringkat reka bentuk. Kelewatan di sebabkan kekangan peruntukan kerana kos projek melebihi harga siling projek yang diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (EPU). Kertas pertimbangan bagi permohonan NOC kos projek telah disediakan untuk diangkat kepada pihak EPU.
- iv. Bagi SJKT Taman Keladi, Sungai Petani, Kedah, pembinaan sekolah ini akan mengandungi 18 bilik darjah dan masih di peringkat reka bentuk. Kelewatan pemberi milik tapak menyebabkan permohonan Kebenaran Merancang (KM) tidak dapat dibuat oleh perunding. KPM telah membuat susulan dengan Pihak Berkuasa Tempatan dan agensi luar yang berkaitan.
- v. Pembinaan SJKT Bandar Seri Alam, Pasir Gudang, Johor yang mengandungi 18 bilik darjah sekarang di peringkat reka bentuk Kekangan peruntukan. Kos projek melebihi siling projek yang diluluskan oleh EPU. Kertas pertimbangan bagi permohonan NOC kos projek telah disediakan untuk diangkat kepada pihak EPU.
- vi. SJKT Bandar Mahkota, Hulu Langat, Selangor yang mengandungi 24 bilik darjah pula masih di peringkat reka bentuk. Kelewatan kelulusan Kebenaran Merancang (KM) menyebabkan projek tidak boleh ditender. SYABAS dan JPS belum mengemukakan ulasan rasmi kelulusan KM. KPM dan perunding telah membuat susulan dengan pihak PBT dan agensi luar yang terlibat.

**PEGAWAI PENYEDIA DAN PEGAWAI PENYEMAK JAWAPAN PARLIMEN**

**Rujukan Soalan** :

R/24/11/01

RJM57

**1. Jabatan/Bahagian** : **BPPDP (UPK)**

***Pegawai Penyedia***

En Suvarmani Subban

Nama :

Jawatan :

No. H/P

No. Telefon :

***Pegawai Penyemak***

Nama :

Jawatan :

No. Telefon :

No. H/P :

**2. Jabatan/Bahagian** : **BPP**

***Pegawai Penyedia***

Mas Ayu Haslinda Mohd Salleh

Nama :

Jawatan :

No. Telefon :

No. H/P :

***Pegawai Penyemak***

Nama :

Jawatan :

No. Telefon :

No. H/P :